

OPUS Consultants Rangkul Anugerah Institute of Engineers Malaysia Atas Sumbangannya Kepada Industri Kejuruteraan di Malaysia

KUALA LUMPUR, 23 Julai – OPUS Consultants (M) Berhad (“OPUS Consultants”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat milik penuh UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), baru-baru ini telah merangkul Anugerah Institute of Engineers Malaysia (“IEM”) 2022, atas sumbangannya kepada Industri Kejuruteraan di Malaysia dalam kategori Pengurusan Aset-Industri. Penganugerahan ini berdasarkan penarafan yang ketat dan penilaian ke atas keupayaan serta sumbangannya kepada pembinaan negara selama tiga dekad dan keupayaan untuk menyampaikan projek mega bernilai lebih berbilion-bilion termasuk, lebuh raya dan jalan raya utama, lapangan terbang, transit bandar, persekitaran binaan dan projek infrastruktur utama di Malaysia. Pengiktirafan terbaharu ini meletakkan OPUS Consultants dalam kedudukan teratas di kalangan pemain pasaran dalam industri pengurusan aset.

“Saya percaya anugerah ini adalah bukti dedikasi OPUS Consultants dalam menyampaikan dan mengurus projek infrastruktur mega selama ini, serta komitmennya untuk kekal di barisan hadapan dalam pengurusan aset infrastruktur yang menyumbang kepada agenda pembinaan negara di Malaysia,” kata Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

“Ia merupakan satu penghormatan untuk kami menerima anugerah yang diiktiraf ini dan bersama-sama pasukan saya di OPUS Consultants, kami akan terus menyumbang kepada kemajuan Kejuruteraan di Malaysia dan juga di peringkat Antarabangsa. Dengan berpegang kepada slogan “Menyampaikan dengan Cemerlang” (“*Delivering with Distinction*”), kami telah membuktikan kata-kata kami melalui kejayaan kami dalam menyampaikan projek infrastruktur negara, termasuk kedua-dua projek jalan raya dan rel di Malaysia,” kata Ir. Dr Tony Chan, Pengarah Urusan OPUS Consultants.

OPUS Consultants terkenal dalam menyampaikan projek-projek yang menyumbang kepada perubahan landskap infrastruktur di Malaysia dan antara projek yang berjaya dilaksanakan termasuk Lebuhraya Utara-Selatan, PUTRA LRT2, Sambungan LRT Laluan Kelana Jaya dan Ampang, Laluan Berkembar Elektrik KTMB dari Rawang-Ipoh dan Ipoh-Padang Besar, Persimpangan Kedua Malaysia-Singapura, Pembangunan Cyberjaya dan banyak lagi.

Peneraju pasaran dalam perundingan kejuruteraan dan pengurusan aset, kini menguruskan kitaran hayat lebih daripada 4,000 km (empat ribu kilometer) lebuh raya bertol, projek pembinaan dan naik taraf di Sabah dan Sarawak. Pendekatan berkaedah dan rangkaian perkhidmatan menyeluruh mereka direka untuk meningkatkan aset pelanggan dengan memudahkan pelanggan dalam membuat keputusan yang lebih baik dan lebih bermaklumat dengan menyediakan penyelesaian yang

inovatif serta praktikal untuk projek infrastruktur dan pengangkutan berskala besar yang meletakkan mereka di barisan hadapan dalam industri Perundingan Aset.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.